

KETOKOHAN DAN SUMBANGAN DATO' ISMAIL KAMUS DALAM BIDANG PERUBATAN ISLAM DI MALAYSIA

Phayilah Yama@Fadilah Zakaria, Ikmal Zaidi Hashim, Farhah Zaidar Mohamed Ramli
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

phayilah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Perubatan Islam dalam konteks Malaysia mengalami transisi perkembangan yang semakin positif dan memberangsangkan sejajar kewujudan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775). Kemasukan kategori perubatan Islam dalam akta ini disifatkan sebagai tanda aras pengiktirafan serta penerimaan kerajaan Malaysia terhadap peranan penting yang turut dimainkan oleh perubatan Islam dalam meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat Malaysia arus perdana seiring dengan perubatan moden. Sambutan masyarakat yang memberangsangkan terhadap perubatan Islam pada masa kini ini turut dapat dikenal pasti menerusi penubuhan organisasi, persatuan dan pertubuhan perubatan Islam yang semakin banyak sehingga mencetuskan penggabungan di bawah organisasi induk yang menghimpun belasan ribu pengamal perubatan Islam di Malaysia iaitu Gabungan Persatuan Perawat Islam Malaysia (GAPPIMA). Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti ketokohan dan sumbangan salah seorang tokoh pengasas dan perawat perubatan Islam yang terkenal di Malaysia iaitu Dato' Ismail Kamus. Data-data kajian dikumpul menerusi metode analisis dokumen dan temu bual tidak berstruktur. Dapatan kajian berdasarkan analisis data secara historikal dan deskriptif mendapati terdapat 11 kriteria yang menunjukkan responden telah memenuhi standard kompetensi yang diperlukan untuk dikenal pasti sebagai tokoh dan penyumbang signifikan dalam bidang perubatan Islam di Malaysia.

Kata kunci: Ketokohan, Sumbangan, Dato' Ismail Kamus, Perubatan Islam, Malaysia.

1. PENGENALAN

Pengamal perubatan Islam di Malaysia bermaksud individu yang bergiat aktif dalam profesion perubatan Islam dalam konteks *ruqyah* di Malaysia. Ketokohan dan sumbangan individu tersebut dalam perubatan Islam di Malaysia amat ketara sehingga dapat diklasifikasikan sebagai tokoh pengamal tempatan yang berprofil tinggi dalam bidang berkenaan. Pada masa yang sama juga hasil kajian yang dipaparkan dalam artikel ini dapat mengukuhkan kredibiliti responden berkenaan sebagai pengamal *ruqyah* contoh yang boleh dipercayai oleh masyarakat Islam di Malaysia. Paparan juga merupakan suatu bentuk penghargaan untuk pengamal tersebut yang banyak berjasa dalam memberi sumbangan ikhtiar penyembuhan berdasarkan pedoman sunnah Rasulullah ﷺ (PhayilahYama et.al., 2017).

2. METODOLOGI KAJIAN

Permasalahan menunjukkan terdapatnya kekurangan kajian yang mengenal pasti ketokohan dan sumbangan pengamal perubatan Islam (*ruqyah*) di Malaysia pada abad 21 Hijrah. Manakala kajian sedia ada didapati telah mendokumentasikan sejumlah para pengamal perubatan Islam di Malaysia namun ianya diselenggarakan secara bercampur dengan pengamal yang diragui serta identiti dan ketokohan mereka ditonjolkan secara mendatar bertepatan dengan persampelan kajian-kajian tersebut yang agak luas serta tidak bertujuan untuk memfokuskan perincian data profil ketokohan dan sumbangan pengamal contoh secara kualitatif di Malaysia (PhayilahYama et.al., 2017).

Hal ini disebabkan metodologi kajian yang diaplikasikan dalam kajian sedia ada tersebut lebih cenderung kepada kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama pengumpulan data. Justeru kajian ini memilih untuk berbeza dalam aspek metodologi iaitu melibatkan persampelan bertujuan dalam skala lebih kecil dengan menggunakan reka

bentuk kajian kualitatif. Sementara itu, temu bual mendalam merupakan instrumen pengumpulan data utama di samping analisis dokumen. Justeru itu, berdasarkan metodologi ini, Data ketokohan dan sumbangan pengamal perubatan Islam (*ruqyah*) yang berprofil tinggi kembali direkodkan, dianalisa, diinterpretasikan serta dipaparkan semula dengan lebih terperinci dan berasingan kepada masyarakat umum (PhayilahYama et.al., 2017).

3. PROFIL RESPONDEN

Artikel memperkenalkan profil responden berdasarkan enam aspek berikut.

3.1 Nama lengkap, Kelahiran dan Pendidikan



Gambar 1.1 Ustaz Dato Haji Ismail bin Haji Kamus

Nama lengkap responden adalah Ustaz Dato Haji Ismail bin Haji Kamus. Beliau dilahirkan pada 2 Disember 1948 di Kampung Batang Rening, Ulu Selangor, Malaysia. Kronologi pencapaian pendidikan responden bermula di Sekolah Arab Batang Kali iaitu selama enam tahun pengajian. Setelah itu, responden melanjutkan pengajian di Ma'ahad Hisyamuddin, Kelang. Kemudian responden melanjutkan pengajian di Kolej Islam Kelang. Pada tahun 1976, responden berjaya mendapat ijazah Sarjana Muda Syariah dengan kepujian daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (Assalambs, 2011).

3.2 Perkembangan dan Pengalaman Kerjaya

Manakala dalam aspek perkembangan dan pengalaman kerjaya, responden dikenal pasti berpengalaman menjawat jawatan sebagai guru, pegawai penyelidik dan pegawai dakwah. Responden bertugas selama 15 tahun dipelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), INTAN dan Pusat Islam. Jawatan terakhir beliau sebelum bersara secara pilihan ialah sebagai Pakar Rujuk di Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Pusat Islam (Assalambs, 2011).

3.3 Penglibatan dalam Masyarakat

Responden dikenal pasti terlibat secara aktif dalam memberi khidmat kepada masyarakat. Sambutan masyarakat terhadap responden dan ketokohan beliau terbukti apabila responden pernah memenangi Pilihan Raya di kawasan Gombak Setia pada tahun 1999 dan seterusnya dilantik sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri untuk kawasan tersebut. Manakala Pada 22 November 2011, responden terpilih sebagai Tokoh Maal Hijrah 2011 peringkat Negeri Selangor. Penganugerahan ini merupakan satu pengiktiran kerajaan negeri terhadap sumbangan responden dalam penyebaran syiar Islam dalam kalangan masyarakat (Assalambs, 2011).

Pada masa kini, penglibatan responden dalam masyarakat masih lagi pada tahap yang memberangsangkan iaitu selaku perunding motivasi dan pendakwah bebas di samping sebagai ahli perniagaan. Menerusi ketiga-tiga peranan tersebut, responden berpeluang berkhidmat untuk menyampaikan ceramah agama kepada masyarakat Islam di Nusantara seperti di Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand dan Singapura. Malahan responden turut terlibat menyebarkan ilmu agama di peringkat antarabangsa seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, negara-negara Timur Tengah dan lain-lain. Selain itu, responden turut dikenal pasti sebagai pengasas dan penasihat kepada Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia (Assalambs, 2011). Responden merumuskan perkembangan terkini kerjaya dan penglibatan beliau dalam kalangan masyarakat sebagaimana berikut (Phayilah Yama et. al., 2017).

"Saya punya kerja membantu orang sakit, ceramah dan mengajar."

3.4 Tokoh *Ruqyah* yang dikagumi

Antara tokoh *ruqyah* yang dikagumi oleh responden adalah Tuan Guru Haron Din. Beliau dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

"Dr. Haron Din lah..."

3.5 Prinsip Hidup

Manakala prinsip hidup responden berkaitan dengan *ruqyah* adalah memperbanyakkan amalan Sunnah sama ada wajib mahu pun sunat seperti membaca al-Quran, berzikir dan solat malam (tahajud) sebelum melakukan rawatan perubatan Islam. Beliau dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

"Prinsip hidup saya sebelum berubat mesti beramal dengan amalan sunnah wajib dan sunat macam baca al-Quran, zikir dan sembahyang malam dan sebagainya."

3.6 Contoh Sunnah Nabi Berkaitan *Ruqyah*

"Maknanya saya beramal dengan amalan zikir banyak seperti لا إله إلا الله kadang-kadang 1000 kali, يا الله, selawat dan baca al-Quran."

Perbincangan di atas menunjukkan latar belakang peribadi responden yang memuaskannya dalam aspek pencapaian pendidikan akademik dan agama. Selain itu, responden turut dikenali oleh masyarakat sebagai ilmuwan dan agamawan

yang diiktiraf serta menjadi rujukan dalam kegiatan kemasyarakatan, organisasi bukan kerajaan dan juga agensi kerajaan.

4. KETOKOHAN DAN SUMBANGAN RESPONDEN

Seterusnya analisis kajian menemui 11 kriteria yang dapat menunjukkan ketokohan dan sumbangan responden dalam bidang perubatan Islam di Malaysia sebagaimana perbincangan berikut.

4.1 Tempoh Pengalaman Yang Lama

Penglibatan responden dalam bidang perubatan Islam di Malaysia bermula secara serius sejak tahun 1986 sehingga kini. Ini menunjukkan responden sudah 30 tahun berkecimpung dalam arena perubatan Islam. Beliau dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

"Sejak tahun 79....(dah berapa tahun dah?) aaa...tahun 79 saya belajar. Mula-mula saya stat mengubat tahun 86 sampai sekarang....14 tahun campur 14 ...28, dah 28 tahun.."

Detik awal penglibatan responden dalam mengamalkan perubatan Islam adalah bermula semasa beliau sedang mempelajari kaedah perubatan ini lagi. Ini adalah kerana pada masa tersebut, terdapat permintaan daripada segelintir individu yang datang menemui responden bertujuan untuk cuba mendapatkan rawatan secara perubatan Islam. Peluang ini dimanfaatkan oleh responden untuk mengamalkan ilmu perubatan Islam yang beliau sedang pelajari. Responden dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

"Aa....erm...dari awal saya sebenarnya selepas saya belajar saya amalkan apa yang saya belajar, kemudian saya mula berubat seorang datang berjumpa saya dengan tak semena saya masa tu tak pandai lagi...jadi saya cuba....aa....mengamalkan praktikkan apa yang saya belajar maka jadilah...insyaAllah.."

Kajian juga mendapati faktor utama yang mendorong responden terlibat dalam bidang perubatan Islam secara konsisten adalah disebabkan pengetahuan beliau berkenaan terdapat ramainya orang awam dalam kalangan masyarakat Islam yang mengalami masalah kesihatan dan penyakit-penyakit tertentu yang masih berjumpa bomoh bertujuan untuk mendapatkan khidmat rawatan pemulihan. Responden dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

"Mendapati ramai sangat orang jumpa bomoh-bomoh. Jadi kalau kita tidak bantu makin ramai lagi orang terpengaruh."

Justeru responden terdorong berkhidmat untuk menyumbang dalam menangani masalah tersebut dengan menyebarkan rawatan perubatan Islam yang beliau pelajari. Ianya supaya pengaruh negatif ilmu perbomohan dapat dikekang daripada terus menular dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia khususnya (Phayilah Yama et. al., 2017).

4.2 Sumber Ilmu yang Berautoriti dalam Bidang

Responden menjelaskan bahawa sumber ilmu perubatan Islam beliau adalah diperolehi secara berguru. Jumlah para guru tersebut adalah banyak termasuk guru yang berasal dari Indonesia dan Mekah. Manakala guru utama beliau di Malaysia adalah Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din. Responden menyifatkan Tuan Guru Dato' Dr. Harun Din sebagai guru perubatan Islam beliau

yang paling berpengaruh dan terkesan sehingga kini serta juga guru paling handal dalam bidang tersebut. Ilmu perubatan Islam yang dipelajari daripada guru ini adalah ilmu tentang jin dan rangkuman lain-lain lagi ilmu perubatan Islam yang utama. Lebih istimewa guru tersebut mempelawa responden secara khusus untuk berguru dengan beliau. Kenyataan-kenyataan di atas dapat disemak menerusi penjelasan responden sebagaimana berikut (Phayilah Yama et. al., 2017).

- Pembantu Penyelidik Responden *Berapakah jumlah guru yang menjadi sumber ilmu perubatan Islam ruqyah di pihak tuan?*
"Sumber saya banyak aaa... Dr. Haron Din satu, orang Mekah dan Indonesia..
- Pembantu Penyelidik Responden *Siapakah nama guru tuan yang paling berpengaruh dan terkesan sehingga kini atau guru paling handal dalam perubatan Islam ruqyah?*
"Tuan Guru Haron Din
- Pembantu Penyelidik Responden *Apakah negeri atau negara asal guru tersebut?*
"Beliau orang Perlis.
- Pembantu Penyelidik Responden *Bagaimanakah tuan dapat bertemu dan belajar dengannya?*
"Dia jemput saya, dia panggil saya datang untuk belajar.
- Pembantu Penyelidik Responden *Apakah ilmu perubatan Islam yang dipelajari daripadanya?*
"Ilmu perubatan... erm... Jin dan ilmu ilmu lain lah.

Responden turut mengesahkan beliau menerima *ijazah* dalam mengamalkan ilmu-ilmu tersebut daripada Tuan Guru Dato' Dr. Harun Din. Secara historikal, resepsi pengijazahan beliau daripada guru berkenaan adalah dilakukan di rumah responden dengan cara bersalam. Menurut responden, *ijazah* ini diperlukan kerana ianya meninggalkan kesan keberkatan dalam pengamalan. Kenyataan-kenyataan ini dapat disemak dalam petikan berikut (Phayilah Yama et. al., 2017).

- Pembantu Penyelidik Responden *Adakah tuan disahkan menerima ilmu daripada guru tersebut menerusi kaedah ijazah?*
Ye..ye....
- Pembantu Penyelidik Responden *Bagaimana proses pengijazahan tersebut dilakukan?*
"Aa...masa saya belajar dulu Dato' Haron Din datang rumah. Dia bagi ijazah di rumah saya kaedah dia.. dia bagi salam sahaja.
- Pembantu Penyelidik Responden *Sejauhmana menurut pandangan tuan kepentingan kaedah ijazah daripada guru dalam pengajian perubatan Islam ruqyah?*
"Aa...kaedah dia pasalnya ilmu-ilmu begini kalau tak da ijazah dia tak ada keberkatan

Kajian mendapati sumber ilmu perubatan Islam responden adalah berautoriti kerana ianya dipelajari secara langsung daripada seorang guru yang dapat diketahui latar belakangnya dengan jelas oleh responden sendiri. Justeru sumber ilmu berdasarkan kaedah ini dapat dipertanggungjawabkan kesahihannya. Elemen ini dapat mengukuhkan ketokohan dan sumbangan responden dalam bidang perubatan Islam khasnya dalam konteks penyambung

warisan ilmu perubatan Islam daripada guru agar terus kekal dapat dimanfaatkan oleh generasi semasa (Phayilah Yama et. al., 2017).



Gambar 1.2 *Ijazah* Perubatan Islam Responden daripada Dato' Haron Din

4.3 Murid yang berkualiti

Responden menjelaskan bahawa terdapat sejumlah lebih kurang 500 orang murid yang mempelajari ilmu perubatan Islam daripada beliau. Semua anak murid responden disahkan menerima ilmu secara kaedah *ijazah* daripada beliau dengan cara responden meletakkan tangan pada bahagian belakang badan murid-murid tersebut. Mereka diberikan dokumen pengijazahan dalam perubatan Islam. Keadaan ini adalah sama seperti diri responden sendiri yang diberikan *ijazah* khas dalam perubatan Islam oleh gurunya sebagaimana perbincangan sebelum ini. Perbezaan hanya pada tatacara pengijazahan responden dengan guru iaitu secara bersalam tetapi antara responden dengan murid adalah secara meletakkan tangan pada bahagian belakang badan murid. Responden dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

“Sekarang ni 500 orang.”

“Dapat *ijazah* juga disahkan oleh saya jugak saya letak tangan di belakang.”

Responden berpendapat adalah penting murid mendapat *ijazah* daripada guru dalam pengajian perubatan Islam *ruqyah* atas faktor keberkatan. Faktor keberkatan ini mustahak kerana ianya mendorong pengamalan berkesan dalam erti kata penyakit yang dirawat dapat disembuhkan. Pendapat ini dapat ditemui dalam petikan berikut (Phayilah Yama et. al., 2017):

“Itulah yang saya katakana tadi keberkatan turun temurun pasal ramai orang pandai baca Quran tapi tak da *ijazah* tak jadi...”

Responden menyatakan dua orang anak murid yang paling dikagumi dan hampir menguasai sepenuhnya kepakaran ilmu perubatan Islam responden iaitu:

"Ustaz Manaf bin Yusuf dan Ustaz Zaki..."

Kajian mendapati terdapat 13 orang murid responden yang dilantik sebagai wakil utama perawat Darussalam berdasarkan tempat dan daerah tertentu (Darussalam, 2016).



Gambar 1.3 Contoh Ijazah Perubatan Islam Responden kepada Murid

4.4 Pengasas Pertubuhan Perubatan Islam Terkenal

Responden dikenal pasti merupakan pengasas dan penasihat kepada salah sebuah pertubuhan perubatan Islam terkenal di Malaysia yang dikenali sebagai [Persatuan Perubatan Islam Darussalam](#) Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2003 dan masih beroperasi perkhidmatannya sehingga kini. Responden menyatakan bahawa pencapaian dan kemajuan pusat terbabit adalah memberangsangkan dalam tempoh 13 tahun ianya beroperasi. Terdapat beberapa cawangan telah berjaya ditubuhkan di negeri-negeri lain seperti Negeri Sembilan, Kelantan dan Perak. Kenyataan ini dapat disemak menerusi petikan-petikan berikut (Phayilah Yama et. al., 2017):

- | | |
|-------------------------------|---|
| Pembantu Penyelidik Responden | Apakah nama pertubuhan perubatan Islam ruqyah yang tuan asaskan dan tahun bila ianya ditubuhkan?
"Nama pusat perubatan Islam saya adalah Pusat Rawatan Islam Darussalam pada tahun 2003. |
| Pembantu Penyelidik Responden | Apakah faktor yang mendorong penubuhan pertubuhan tersebut?
"Kalau saya sorang tak laratlah...kena ada anak murid senang, sekarang ni kita ada cawangan-cawangan tempat lain senang lah... |
| Pembantu Penyelidik | Sejauhmanakah pencapaian dan kemajuan terkini pertubuhan tersebut dalam bidang ruqyah? |

Responden *“Sekarang ni majunya banyak dah anak murid dan banyak tempat-tempat yang telah kita sebarkan yang ada cawangan-cawangan Negeri Sembilan ada, Kelantan ada Perak ada.*

4.5 Testimoni Tempatan atau Antarabangsa

Menurut responden sehingga kini terdapat lebih kurang 500 kes rawatan yang dapat dikongsi sebagai testimoni pesakit yang berjaya dipulihkan menerusi rawatan *ruqyah* beliau. Kebanyakan masalah kesihatan pesakit yang berjaya ditangani adalah kerasukan jin dan penyakit biasa. Terdapat juga kes pesakit barah yang dirawat oleh responden. Seterusnya responden menyatakan perasaan gembira kerana dapat membantu sekadar kemampuan dalam menyelesaikan masalah-masalah kesihatan para pesakit tersebut. Faktor kesembuhan hasil daripada perubatan Islam *ruqyah* yang dipraktikkan oleh responden mencetuskan dorongan untuk beliau terus konsisten melakukan rawatan kepada para pesakit. Kenyataan ini dapat disemak menerusi petikan-petikan berikut (Phayilah Yama et. al., 2017).

Pembantu Penyelidik Responden *Sehingga kini boleh tuan nyatakan anggaran jumlah testimoni pesakit yang berjaya dipulihkan menerusi rawatan ruqyah tuan sendiri?*

Responden *“Anggaran lebih 500 orang.*

Pembantu Penyelidik Responden *Apakah testimoni yang paling mengkagumkan sepanjang karier tuan sebagai pengamal ruqyah dan kenapakah ianya mengkagumkan?*

Responden *“Sakit yang banyak dirasuk oleh jin, penyakit biasa, kalau barah tu ada sorang dua sahaja.*

Pembantu Penyelidik Responden *Apakah nama, masalah kesihatan yang diruqyah dan tahun peristiwa tersebut berlaku?*

Responden *“Dirasuk jin tahun ni 2016...”*

Pembantu Penyelidik Responden *Apakah perasaan tuan terhadap kejayaan ruqyah yang tuan lakukan?*

Responden *“Rasa gembira dan rasa suka lah..dan menyebabkan saya suka lagi mengubat.*

Pada tahun 2015, terdapat juga testimoni pesakit antarabangsa iaitu warganegara Australia yang mendapat rawatan masalah penyakit sihir sehingga sembuh. Fakta ini didapati daripada kenyataan sokongan oleh anak murid responden iaitu Ustaz Haji Adnan bin Kamaruddin. Beliau dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

*“Erm... yang paling mengkagumkan kat sini penyakit sihir lah gangguan makhluk halus. Ada seorang pesakit itu dia orang **Australia**, macam mana dia tahu tentang tempat rawatan ini adalah sebab dia datang ke Malaysia atas urusan kerja. Selepas itu mungkin ada dia bercerita kepada kawannya di Malaysia mengenai masalah penyakitnya itu lalu kawannya itu mengesyorkan tempat kami ini. Jadinya bila dia pulang ke Australia dia datang kembali ke Malaysia untuk berubat dimana dia mengalami masalah untuk datang ke tempat kerja dan sering malas untuk melakukan kerja. Jadi Alhamdulillah kami dapat berubat beliau beberapa kali dan beliau memakan masa juga untuk sembuh...”*

Manakala testimoni terbaru untuk tahun 2016 adalah keberkesanan memulihkan gangguan rasukan makhluk halus yang membabitkan seorang pelajar yang mengikuti aktiviti perkhemahan dalam hutan. Ustaz Haji Adnan bin Kamaruddin berkongsi susur galur peristiwa dan proses rawatan perubatan Islam sebagaimana berikut (Phayilah Yama et. al., 2017).

"Selain itu, ada juga tahun ni 2016 sekumpulan pelajar ni mereka pergi berkhemah di dalam hutan. Selepas balik berkemping tu salah seorang dari mereka seperti kena **rasuk** bila bawa berubat kat sini, biasanya kami sebagai perawat akan bertanya apa yang menyebabkan engkau mengganggu budak ini, tetapi sebagai perawat kita tidak boleh percaya seratus peratus jawapan yang datang pesakit tu sebabnya yang bercakap...hahaha... itu kadang kadang bukan mereka sendiri sama ada jawapan yang dia bagi tu logik ke tidak ka kita perawat tak boleh percaya...Biasanya, kami akan mintak lah pesakit bawakan air, buah limau nipis, erm... lada dan sebagainya untuk digunakan semasa merawat tetapi kita sebagai perawat perlu kuatkan aqidah dan mempercayai bahawa kesembuhan yang sebenar itu datang daripada Allah s.w.t. Itu penting sebab pesakit ni dia dengar ja apa yang kita cakap takut takut dia mempercayai bahan yang kita gunakan tu penyembuh kepada penyakit dia jadi semasa kita memberi penerangan kepada pesakit tu kita perlu betulkan aqidah dan kepercayaan dia sekali."

4.6 Keahlian dan Jawatan Yang Berprestij dalam bidang Perubatan Islam Peringkat Negara

Responden menerusi Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia telah dilantik sebagai panel penggubal *Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam* oleh BPTK, Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2011. Beliau juga merupakan pengasas dan penasihat Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia. Penglibatan ini menjurus kepada sumbangan intelek dan ketokohan responden dalam dunia perubatan Islam tempatan (Phayilah Yama et. al., 2017).

4.7 Penyebaran Ilmu Perubatan Islam *Ruqyah* Yang Meluas

Ketokohan dan sumbangan responden juga dapat dizahirkan menerusi penyebaran ilmu perubatan Islam. Dokumen kutipan lapangan mendapati terdapat bentuk penyebaran ilmu perubatan Islam responden secara penerbitan buku (Phayilah Yama et. al., 2017).

4.8 Penulisan Karya Perubatan Islam

Menurut responden terdapat sebuah karya yang ditulis oleh beliau dalam perubatan Islam iaitu berjudul *Jin Hakikat dan Pengubatan*. Responden dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

"Dalam perubatan Islam satu saja yang tajuknya Jin Hakikat Dan Pengubatan."

Responden terdorong menulis karya ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada anak murid beliau membuat rujukan ilmiah berkaitan isu hakikat kewujudan jin dan kaedah menangani masalah kesihatan yang berpunca daripada gangguan atau pun rasukan jin. Responden dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):


"Pasal ramai anak murid bagi mudah mereka itu rujuk buku tersebut."

Karya yang berjumlah 198 halaman ini adalah diterbitkan pada tahun 2006 oleh Telaga Biru Sdn. Bhd. Ianya mengandungi 11 perbahasan utama iaitu *Asal Usul Jin, Jin Iblis dan Syaitan, Sifat dan Tabiat Jin, Hubungan Jin dengan Allah, Hubungan Jin dengan Manusia, Kekuatan Jin, Permusuhan Syaitan Terhadap Manusia, Kerasukan, Sihir, Pengubatan Kerasukan dan Sihir dan Petua menghindari Jin Syaitan dan Sihir* (Ismail Kamus, 2006). Secara umumnya intipati perbahasan dalam karya ini merumuskan bahawa masalah kesihatan yang berpunca

daripada gangguan jin adalah berkemampuan ditangani dengan perubatan Islam *ruqyah* yang mengguna pakai bacaan-bacaan ayat-ayat suci al-Quran tertentu serta juga doa-doa yang berasal daripada Rasulullah ρ (Ismail Kamus, 2006).



Gambar 1.4 Muka Depan Karya Perubatan Islam Responden



Gambar 1.5 Contoh 'Azw al-Hadith Responden

Kajian juga mengenal pasti hadis-hadis yang menjadi sumber penghujahan dalam karya ini adalah belum ditakhrijkan secara lengkap. Kesemuanya dinyatakan secara *ghzw al-hadis* iaitu nama kitab hadis atau pengarangnya sahaja sebagaimana contoh dalam gambar 4.7. Responden juga menyedari bahawa karya tersebut adalah tidak ditakhrij dengan lengkap. Justeru responden menyokong ianya dilakukan kerana pada dasarnya *takhrij* secara lengkap tersebut dapat meningkatkan ilmu pengetahuan yang serterusnya dapat mencetuskan keyakinan dalam pengamalan. Kenyataan ini dapat difahami berdasarkan petikan berikut (Phayilah Yama et. al., 2017):

- Pembantu Penyelidik Responden: Adakah penulisan teks doa Rasulullah dalam karya-karya tuan ditakhrij dengan lengkap seperti dinyatakan nama kitab, bab dan nombor hadis?
 “Belum”
- Pembantu Penyelidik Responden: Menurut pandangan tuan apakah penting doa-doa tersebut ditakhrijkan dengan lengkap?
 “Supaya kita yakin bahawa hadis itu atau ruqyah itu dari Rasulullah s.a.w.”

4.8 Polisi Ruqyah Patuh Syariah

Responden juga mengamalkan polisi *ruqyah* yang mematuhi syariah. Responden menjelaskan *ruqyah* yang mematuhi syariah tersebut antaranya adalah pengamal *ruqyah* dipesan menjauhi sejauh mungkin perbuatan maksiat dan lain-lain perbuatan yang diharamkan oleh agama. Menjauhi perkara maksiat dan larangan menghisap rokok merupakan dua elemen utama yang ditekankan untuk ditinggalkan pengamal *ruqyah* yang dilatih oleh responden. Kenyataan ini dapat disemak dalam petikan berikut (Phayilah Yama et. al., 2017):

Pembantu Penyelidik Responden	<i>Apakah polisi patuh syariah yang diamalkan oleh tuan?</i>
Responden	<i>“Maknanya kita kalau mengajar pesan kepada mereka jangan buat maksiat dan perbuatan-perbuatan yang haram.</i>
Pembantu Penyelidik Responden	<i>Apakah elemen-elemen ketara yang dijauhi dalam amalan ruqyah pihak tuan?</i>
Responden	<i>“Jauh perkara maksiat, jangan hisap rokok.</i>

Kajian mendapati polisi-polisi patuh syariah ini adalah dinyatakan secara jelas dalam borang permohonan peserta kursus Perubatan Islam yang dianjurkan serta dibimbing oleh responden menerusi Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia (Darussalam, 2016).

4.9 Tiada Unsur Meraih Keuntungan dan Perniagaan

Antara sumbangan lain responden dalam memartabatkan perkhidmatan perubatan Islam dalam kalangan masyarakat di Malaysia adalah komitmen menghindari unsur meraih keuntungan yang tidak munasabah dan semata-mata berorientasikan keuntungan perniagaan. Pada dasarnya responden menjelaskan bahawa rawatan yang ditawarkan adalah dikenakan bayaran yang sewajarnya. Responden dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

“Kita kena bayar, pesan Rasulullah pun kena bayar jugak.”

Responden berpendapat khidmat rawatan *ruqyah* yang menetapkan kadar bayaran tertentu juga pada dasarnya adalah tidak salah selagi ianya tidak keterlaluan dalam erti kata terlalu mahal serta tidak munasabah dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Ini adalah kerana pusat-pusat rawatan ini juga perlu menanggung kos-kos tertentu yang tidak dapat dielakkan seperti bil air dan bil api. Kenyataan ini dapat disemak dalam petikan berikut (Phayilah Yama et. al., 2017):

“Kena bayar... kalau ada pejabat kena bayar kalau tidak teruk kita sebab kita perlu bayar bil air, api dan sebagainya...”

Responden juga menolak khidmat rawatan *ruqyah* yang sengaja dijadikan sebagai sumber meraih keuntungan dan dilaksanakan dalam bentuk perniagaan secara tidak wajar contohnya menjual air zam-zam seratus ringgit untuk sebotol (saiz kecil). Mekanisme sepatutnya menurut responden adalah penentuan harga jualan yang rasional terhadap material yang dijadikan bahan rawatan serta juga upah rawatan. Responden dipetik berkata (Phayilah Yama et. al., 2017):

“Sekiranya jualan jualan yang macam tubenda yang munasabah tak pelah tapi kalau berates ratus tu ...umpamanya jual air zam-zam sebotol sampai 100 ringgit tak munasabah lah, dia kena munasabah...”

4.10 Pengurusan Ilmu Perubatan Islam yang Sistemik

Ketokohan dan sumbangan responden turut dapat diiktiraf dalam perspektif pengurusan ilmu Perubatan Islam yang sistematik. Dalam erti kata lain, tersusun berdasarkan aspek pemilihan murid secara khusus, penetapan syarat-syarat tertentu seperti kelancaran dan kefasihan bacaan al-Quran serta tidak merokok. Pengecualian dalam pemilihan murid juga adakalanya

dilakukan selagi mana bakal murid berkenaan tidak melakukan perkara yang dilarang oleh Allah Y secara berat serta bersedia meninggalkan larangan khas iaitu merokok. Kenyataan ini dapat difahami menerusi petikan-petikan berikut (Phayilah Yama et. al., 2017):

Pembantu Penyelidik Responden	<i>Kenapa perlu temuduga dalam pengambilan murid tuan?</i>
Pembantu Penyelidik Responden	<i>“Pasal kadang-kadang anak murid tu tak pandai baca quran ataupun tajwid tak kena makhraj tak kena tak ambik lah ataupun dia merokok...tapi baru-baru ni Kelantan ada ambik jugak satu group supaya kita nak larang mereka ini merokok dan pesan pada dia lepas ni tak boleh merokok.</i>
Pembantu Penyelidik Responden	<i>Apakah syarat-syarat perlu dipatuhi untuk mendapat ijazah amal ruqyah daripada tuan?</i>
Pembantu Penyelidik Responden	<i>“Dapat membaca ayat quran dengan lancer dan fasih.</i>
Pembantu Penyelidik Responden	<i>Sejauhmana pengecualian dibenarkan dalam hal ini?</i>
Pembantu Penyelidik Responden	<i>“Selagi dia tak melakukan perkara yang dilarang oleh Allah secara berat.</i>

Kajian mendapati syarat-syarat ini adalah dinyatakan secara jelas dalam borang permohonan peserta kursus Perubatan Islam yang dianjurkan serta dibimbing oleh responden menerusi Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia (Darussalam, 2016).

5. KESIMPULAN

Analisis menyimpulkan bahawa 11 kriteria yang telah diuraikan sebelum ini adalah dapat menunjukkan responden telah memenuhi standard kompetensi yang diperlukan untuk dikenal pasti sebagai tokoh dan penyumbang signifikan dalam bidang perubatan Islam di Malaysia. Kesemua kriteria ini dapat mengiktiraf identiti responden sebagai ikon, suri teladan dan pengamal perubatan Islam contoh dalam kalangan komuniti tersebut.



Rajah 1.1 Kriteria Ketokohan dan Sumbangan Responden

Analisis juga merumuskan responden sebagai antara ilmuwan Islam tempatan yang bersilih ganti antara generasi demi generasi yang memberi sumbangan besar dalam memartabatkan Sunnah Rasulullah ρ dalam konteks Perubatan Islam *ruqyah* di Malaysia. Dalam jurus pandang yang lain, usaha responden adalah signifikan untuk menonjolkan pengaruh Islam sebagai agama persekutuan yang dominan di Malaysia dalam sektor industri perubatan tradisional dan komplementari di samping kategori perubatan berasaskan kebangsaan seperti melayu, cina dan india.

6. RUJUKAN

- Biodata Dato' Ismail Kamus atas talian assalambs.blogspot.my dalam <http://assalambs.blogspot.my/2011/10/biodata-ustaz-dato-ismail-kamus.htm> (4 Ogos 2016)
- Garis Panduan Amalan Perubatan Islam*. 2011. Kuala Lumpur: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Ismail Kamus. 2006. *Jin Hakikat dan Pengubatan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Phayilah Yama et.al. 2017. Analisis *Takhrij* Hadis dan Kaedah Pengamalan Perubatan Pengamal Perubatan Islam di Malaysia. Laporan Penyelidikan GPIK I 2016. Pusat Pengurusan Penyelidikan. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Profil Pusat Rawatan Islam Darussalam Malaysia atas talian Darussalam.net dalam darussalam.net.my/index.php/khidmat-rawatan/12-profile (15 Ogos 2016)
- Temu bual bersama Responden. Pengasas Pusat Rawatan Islam Darussalam Malaysia pada 27 September 2016. Jam 4.00 petang.